

UCAPAN TAHUN BARU DARIPADA TIM- BALAN PERDANA MENTERI MELALUI RADIO MALAYSIA PADA 30HB DISEMBER, 1963

Tahun 1964 akan merupakan suatu tahun yang amat penting di dalam sejarah kita sebagai sebuah negara yang Merdeka dan menentu hak sendiri.

Pada suatu masa di dalam Tahun Baharu ini Kerajaan sekarang, iaitu Kerajaan Perikatan, akan meminta kepada tuan-tuan dan puan-puan supaya diberikan lagi mandat atau kuasa untuk memandu Malaysia lebih maju ke hadapan dalam bidang-bidang Pembangunan, keadaan Ekonomi yang kukuh dan kemajuan.

Kemajuan mengembangkan kemajuan; keyakinan menimbulkan keyakinan dan kejayaan mengulangi kejayaan.

Bumi negara kita melambangkan suatu pandangan kejayaan; ini adalah terbukti dengan adanya kerjasama yang diberikan oleh rakyat yang terdiri daripada berbilang bangsa, dan terbukti juga di seluruh cerok dan rantau kemajuan yang diperolehi daripada rancangan Pembangunan yang baharu dijalankan.

Kita bolehlah berasa bangga atas kemajuan yang telah dicapai oleh Negara kita semenjak Merdeka dan kemajuan ini telah menunjukkan kepada Dunia apa yang dapat diperolehi daripada suatu perkongsian di antara rakyat negeri ini dengan Kerajaan Perikatan.

Dengan adanya terus-menerus perkongsian seperti ini dalam tahun 1964 dan seterusnya, maka akan terjaminlah kemajuan di dalam negara kita ini.

Kemajuan Negara kita di dalam beberapa tahun yang singkat ini adalah hanya merupakan suatu titik permulaan dari langkah permulaan, banyak lagi akan dapat dilaksanakan jika sekiranya usaha dan tenaga hasil daripada mandat yang telah diberikan kepada Kerajaan Perikatan dalam tahun 1959 itu tidak diganggu.

Oleh yang demikian adalah terletak kepada tuan-tuan dan puan-puan sekalian untuk memikirkan samada tuan-tuan dan puan-puan gemar bahawa kejayaan-kejayaan yang telah diperolehi ini tidak terputus dan harus diperkembangkan supaya dijadikan sebagai suatu batu asas yang kukuh, dari mana dapat kita bergerak lebih maju di masa-masa hadapan.

Semua rakyat-rakyat, tuan-tuan dan puan-puan yang tinggal di negeri-negeri Tanah Melayu, barangkali kecuali Kelantan, telah dapat melihat dengan mata sendiri betapa banyaknya faedah-faedah dan nikmat-nikmat yang telah diberi oleh Kerajaan Perikatan.

Malangnya, Kerajaan Perikatan telah dapat hanya sedikit peluang sahaja untuk memberikan semua yang dicita-citanya kepada mereka yang tinggal di Kelantan, tetapi kekurangan ini dengan mudahnya rakyat-rakyat di Kelantan sendiri dapat memperbaikinya dalam tahun 1964 apabila tiba masanya.

Kepada saudara-saudara kita di Sabah dan Sarawak Kerajaan kita akan memberi, dengan usaha dan tekad yang sama, kemudahan-kemudahan yang memadai dari Rancangan Pembangunan untuk mengubahkan cara penghidupan di kawasan-kawasan luar bandar.

Kepada saudara-saudara kita di Singapura pula, dengan merapatkan lagi perkongsian di dalam bidang pembangunan perusahaan dan kemajuan di daerah perbandaran, maka kita akan dapat melancarkan dengan lebih pesat dan tekad yang penuh untuk maju sebagai sebuah negara Malaysia yang makmur berkekal.

Kerajaan Perikatan telah diberi suatu mandat untuk berusaha mendapatkan Kemerdekaan bagi Negara ini, ini telah berjaya; kita telah diberi mandat untuk memandu negeri ini daripada kecil hingga dewasa, mandat ini telah berhasil menubuhkan sebuah Negara yang sekarang dapat kita berasa bangga di dalam hati sanubari kita; dan sekarang dengan pengalaman-pengalaman yang telah diperolehi, pentadbiran Kerajaan yang terbukti baik itu, dan pelancaran Rancangan Pembangunan dengan cara yang dinamis, dasar-dasar Kerajaan yang saksama yang membawa kepada keadaan ekonomi yang kukuh; berilah kami mandat dan kami akan memberi jaminan bukan sahaja untuk memandu negara Malaysia kepada peringkat dewasa tetapi juga untuk memenuhi cita-cita Perdana Menteri kita untuk memastikan bahawa negara kita adalah sebenar-benarnya sebuah negara "MALAYSIA BAHGIA".

Saya mengucapkan kepada tuan-tuan dan puan-puan Selamat Tahun Baru.